

12/06/1997

Tanggungjawab komponen BN Sabah kekal perpaduan

KOTA KINABALU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah mempunyai tanggungjawab mutlak untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan serta kestabilan politik di negeri itu.

Dalam perutusannya sempena ulang tahun dan kongres Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) ketiga pada 14 dan 15 Jun ini, Perdana Menteri berkata, langkah itu dapat menjamin kemajuan rakyat pelbagai kaum di Sabah.

PBRs, sebuah daripada lapan komponen BN Sabah, diterajui oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Sumber dan Perusahaan negeri, Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.

Dr Mahathir berkata, Sabah mengalami pembangunan pesat dan berkembang maju sejak Barisan Nasional memegang tampuk pemerintahan kerajaan negeri.

"Rakyat Sabah kini menikmati pembangunan yang dibawa kerajaan BN dalam masa singkat sejak pilihan raya negeri lalu.

"Keadaan ini hendaklah dipelihara supaya Sabah akan terus dapat maju setanding negeri lain di Semenanjung," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi BN memberi jaminan bahawa BN akan memastikan semua negeri di bawah pimpinannya mendapat tempat dalam arus pembangunan negara.

Dr Mahathir juga mahu perwakilan PBRs mencari rumusan yang boleh meningkatkan lagi usaha untuk membangunkan rakyat dan negeri Sabah.

Sementara itu, tidak ada pemilihan pucuk pimpinan pada mesyuarat agung tahunan PBRs kali ini kerana ia hanya akan dilakukan tahun depan.

Mesyuarat agung tahunan kali ini akan diadakan di sebuah hotel di Keningau. Ia dimulakan dengan mesyuarat peringkat Pergerakan Pemuda dan Wanita pada Sabtu (14 Jun) yang akan dirasmikan oleh Kurup.

(END)